

05 APR 1997

DEMONSTRASI JEJASKAN IMEJ NEGARA, RUGIKAN PELAJAR

KLANG, 5 April (Bernama) -- Para pelajar pusat pengajian tinggi seharusnya menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan tidak terlibat dalam demonstrasi yang dianjurkan oleh pihak yang berkepentingan tertentu khususnya parti politik yang sudah kehabisan modal.

Pengerusi Majlis Belia Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil berkata mereka seharusnya lebih bijak memanfaatkan masa daripada menunjuk perasaan yang merugikan dan mungkin menjejaskan peluang mereka meneruskan pelajaran.

"Demonstrasi itu jauh daripada mampu menyelesaikan masalah Palestin-Israel yang telah bergolak sekian lama...sebaliknya ia telah menjejaskan imej Malaysia," katanya kepada pemberita hari ini ketika mengulas penahanan 250 pelajar pusat pengajian tinggi di pintu masuk Universiti Malaya semalam.

Polis menahan para pelajar terbabit kerana menyertai demonstrasi anjuran sebuah parti pembangkang untuk membantah kehadiran pasukan kriket Israel yang menyertai pertandingan merebut Piala Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) di Kuala Lumpur.

Beliau berkata pada pandangan orang asing demonstrasi melibatkan pelajar itu seolah-olah menggambarkan Malaysia tiada diplomasi untuk menangani isu-isu antarabangsa.

Abdul Rahman, yang juga Timbalan Pengerusi Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Selangor (KPPMS), berkata memang tepat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tunjuk perasaan itu sebagai bodoh kerana mereka tidak memahami tujuan kerajaan membenarkan pasukan kriket itu ke Malaysia.

Katanya, pelajar sepatutnya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran dan membiarkan kerajaan mengambil langkah perlu dalam menangani isu-isu antarabangsa. -- BERNAMA

MNY AKD